



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 16 May 2015 |



NAJIB TUN RAZAK melihat kontrak Mekah Metro yang dimenangi oleh Prasarana sambil diperhatikan oleh Azmi Abdul Aziz (kanan) dan Menteri Kewangan II, **Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah** di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Beri khidmat terbaik di Mekah

PUTRAJAYA 15 Mei -Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) memberikan khidmat terbaik ketika mengendalikan operasi dan penyelenggaraan sistem Pengangkutan Awam Mekah (Mekah Metro) pada musim haji tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana, Azmi Abdul Aziz berkata, mesej itu akan dijadikan inspirasi kepada semua kakitangan yang bakal melaksanakan tugas mereka di Tanah Suci, sekali gus membalas kepercayaan kerajaan Arab Saudi atas pemberian kontrak tersebut.

Pada masa sama, ujar beliau, Prasarana turut merakamkan penghargaan kepada Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz atas kepercayaan yang diberikan baginda terhadap keupayaan syarikat milik kerajaan (GLC) itu untuk mengendalikan operasi tersebut.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan ringkas dengan Najib di Ban-

gunan Perdana Putra di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan ucapan tahniah kerajaan kepada Prasarana ekoran kejayaan syarikat itu memenangi kontrak bernilai 807 juta Riyal (RM767 juta) bagi mengendalikan operasi dan penyelenggaraan Mekah Metro bermula musim haji tahun ini.

Najib berkata, perolehan kontrak untuk musim haji bagi perjalanan dari Arafah ke Mina yang bermula tahun ini menandakan satu lagi pencapaian cemerlang bagi Malaysia khususnya kepada Prasarana.

Dalam perkembangan berkaitan Azmi berkata, pengendalian operasi Mekah Metro itu melibatkan aliran sejauh 18 kilometer bermula dari Arafah ke Muzdalifah dan kemudian ke Mina, melalui sembilan stesen.

“Operasi kita hanya tujuh hari sahaja bermula (wukuf) di Padang Arafah. Kita juga akan bekerjasama dengan Express Rail Link (ERL) dan KTM Berhad dalam menyediakan kakitangan di Mekah nanti,” ujarnya.